



### MENARIK

**Kereta api berkuasa wap Tampin-Singapura**  
Muka 3  
**Pemilik ATUR menerima bil RM203,372**  
Muka 31

Alamat Utusan Malaysia Online  
<http://www.asiacconnect.com.my/utusan>

# Utusan

PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT

## MALAYSIA

### HIBURAN

**KRU promosikan album di Hong Kong**  
Muka 22  
**Dangdut Amelina serikan konsert diraja**  
Muka 23



KHAMIS 4 APRIL, 1996 15 ZULKAEDAH 1416

BIL: 81 TAHUN KE-28 PP 362/1/96

HARGA: RM1.00, SARAWAK RM1.20, SABAH RM1.30

## 2020

8,673 hari lagi



## Sonotron harapan baru pesakit strok

Oleh WAN NORAZAH WAN CHIK

SERDANG 3 April — Pesakit strok kini mempunyai pilihan untuk memulihkan keadaan mereka dengan menggunakan mesin terapi terbaru, Sonotron yang sebelum ini digunakan untuk rawatan sakit sendi dan otot.

Pengarah Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Dr. Yahaya Abu Ahmad berkata, terapi menggunakan Sonotron membuktikan kesan positif terhadap pesakit strok.

Katanya, ujian yang dilakukan terhadap Bendahari UPM, Yusop Keling baru-baru ini membuktikan terapi menggunakan Sonotron berjaya memulihkan Yusop hanya dalam masa tiga bulan. Yusop mengalami strok sejak 20 Oktober lalu.

"Saya mendapat idea untuk mencuba te-

### SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## Kaji bilik VIP — PM

Kata beliau, kerajaan akan mengkaji semula sama ada cara yang diamalkan sekarang perlu ditingkatkan ataupun tidak. "Kita nak pastikan sama ada boleh diteruskan cara yang ada sekarang," katanya.

Semalam, bekas juara sukan menembak negara, Vincent Teo dihukum penjara tiga bulan dan denda RM6,000 selepas mengaku bersalah atas tiga tuduhan menjual 31 pucuk senjata api secara haram kepada Chin.

Bagaimanapun Hakim Anita Harun memerintahkan hukuman penjara itu dijalankan secara serentak yang hanya memperuntukkan Teo menjalani hukuman satu bulan sahaja.

Mengulas perkara tersebut, Dr. Mahathir berkata, pihak pendakwara boleh mengemukakan rayuan sekiranya tidak puas hati dengan keputusan tersebut.

## Sonotron harapan baru pesakit

rapi ini terhadap Yusop setelah diberitahu Sonotron berjaya memulihkan luka yang dialami oleh pesakit diabetes dalam masa yang singkat.

"Berbanding terapi lain yang selalu digunakan sebelum ini, terapi Sonotron menunjukkan kesan yang memberangsangkan dalam masa yang singkat sahaja," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengumumkan kejayaan memulihkan pesakit strok menggunakan mesin Sonotron di PKP, UPM, hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mengangap kejayaan tersebut sebagai satu penemuan terbaru dalam rawatan pemulih-



DR. YAHAYA menunjukkan cara merawat Yusop dengan menggunakan mesin Sonotron di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang semalam.

an strok kerana ia hanya diuji terhadap seorang pesakit sahaja.

Namun, katanya, beli-

au akan terus menggunakan terapi tersebut kepada pesakit-pesakit lain yang berminat untuk

mendapatkan rawatan sedemikian sebagai salah satu usaha pemulihan pesakit itu.

■ Lihat muka 2